

فتیقون قیتیه

PETIKAN TITAH  
"Jika sesuatu perubahan itu menampilkan kebatilan, maka perubahan seperti ini tidaklah dialu-alukan kerana kemunculannya bukan membawa kebaikan, tetapi sebaliknya mengundang kerosakan".  
- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9, Tahun 2014.



# پلیٹا BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.43 SUBUH 4.53 SYURUK 6.10 DUHA 6.32 ZUHUR 12.14 ASAR 3.21 MAGHRIB 6.16 ISYAK 7.25

MANISNYA IMAN

RASULULLAH  
Sallallahu Alaihi  
Wasallam bersabda  
yang bermaksud :  
"Sesiapa yang menempuh  
satu jalan  
kerana mencari ilmu,  
maka Allah akan  
memudahkan baginya  
jalan syurga".  
(Riyatul Al-Imam  
Al-Bukhari).

TAHUN 64 / BILANGAN 114

23 SEPTEMBER 2019 / 1441 محرم 23

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn infodept\_bn



BERANGKAT saksikan  
Peringkat Akhir Kejohanan  
Badminton Kebangsaan  
**Muka 3**



253 Ahli PPPBD  
terima lencana keahlilan  
**Muka 4**



MAJLIS Doa Kesyukuran  
semepena Sambutan Hari  
Guru  
**Muka 6**



LEBIH 1,000 sukarelawan  
sertai kampen kebersihan  
pantai  
**Muka 10**

## Hargai hubungan persaudaraan Brunei - Arab Saudi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Saudi Arabia, kerajaan dan rakyat Saudi Arabia sempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Saudi Arabia, kerajaan dan rakyat Saudi Arabia sempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara tersebut.

Dalam perutusan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menghargai hubungan persaudaraan yang sekian lama dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Saudi Arabia di atas sokongan dan bantuan yang dibulurkan kepada jemaah haji Negara Brunei Darussalam semasa mengerjakan Ibadah Haji baru-baru ini, di samping usaha yang berterusan dalam menambah kesejahteraan bagi keselesaan para jemaah.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan kesihatan dan kebahagiaan yang berpanjangan kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman dan seluruh keluarga diraja serta kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan kepada rakyat Saudi Arabia.

## Rasulullah contoh ikutan terbaik

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 September. - Terlalu banyak perkara perlu diambil melalui tunjuk ajar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara ini adalah kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan manusia yang terbaik dan manusia pilihan. Baginda juga adalah seorang Nabi yang dijadikan contoh ikutan dalam semua bidang kehidupan manusia.

Begini juga dengan para Sahabat Radhiyallahu anhu yang turut sama membuktikan kecemerlangan umat Islam sehingga terbentuk satu empayar Islam yang kuat dan digeruni.

Maka sewajarnya umat Islam kini selaku

generasi penerus perlu melihat apakah kehebatan yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga para Sahabat dalam membangun sumber tenaga manusia.

Butiran tersebut adalah sebahagian perincian yang disampaikan oleh Pengarah Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam semasa tazkirah subuh yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan tajuk "Mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Dan Para Sahabat Dalam Membangun Sumber Tenaga Manusia Yang Berjaya".

Tegas Pengarah Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA, kejayaan yang dikenai pada Sumber Tenaga Manusia di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga di zaman para Sahabat Radhiyallahu anhu membuktikan satu keunggulan dalam sistem pengurusan yang teratur dan terjamin di mana paksi utama dalam mencapai tujuan dan matlamat melalui sumber tenaga manusia adalah berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis, di samping Ijtihad para sahabat itu sendiri.

Jelasnya lagi, personaliti yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Para Sahabat juga mempengaruhi kualiti sumber tenaga manusia itu sendiri seperti sifat jujur, amanah, bertanggungjawab dan sebagainya.

Ke muka 7

# Rasulullah contoh ikutan terbaik



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw hadir bersama para jemaah bagi mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Mencontoh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Dan Para Sahabat Dalam Membangun Sumber Tenaga Manusia Yang Berjaya' disampaikan oleh Pengarah Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammalli bin Haji Adam.

## Dari muka 1

Oleh itu, menurutnya, kita perlu mengkaji dan mempelajari

kejayaan generasi awal umat Islam untuk dijadikan contoh dan panduan dalam membentuk

sumber tenaga manusia yang berjaya.

Program Masjidku Makmur,

Negara Berkat itu dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan

Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (MEMI) dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU dan MEMI.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

## Sembahyang Dhuha mengundang rezeki



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pada Ceramah Bersama Mufti Kerajaan yang diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Sabtu, 21 September. - Sembahyang sunat dua rakaat sebelum fardu Subuh lebih baik dari segala isi langit dan bumi.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menggaskan adalah silap menganggap sunat tidak penting atau tidak perlu kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam manakala Baginda itu mempunyai hajat. Baginda akan bangun sembahyang dua rakaat.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat menegaskan agar melakukan sembahyang hajat seperti mana di Brunei, di masjid-masjid diminta Sembahyang Hajat Berjemaah pada setiap hari Jumaat.

"Tetapi malang, di mana juga masjid yang didatangi, sambutan kurang. Hanya satu atau dua baris saja berisi, baki di belakang, orang hanya duduk-duduk saja. Mengapa? Seperti saja tidak ada hajat apa-apa, atau menganggap tidak perlu memohon kepada Allah

untuk disampaikan hajat.

Apa pun alasan atau sebab, jika kita sudah hadir ke masjid, maka wajarlah bagi kita untuk sama-sama melakukan sembahyang, sama-sama kita membesarkan Allah, dengan menzahirkan kita ini adalah hamba-Nya yang sentiasa berhajat, benar-benar berhajat, yang lemah dan tidak berupaya, melamkan Allah sahaja lah yang berkusa dan yang mampu untuk menyampaikan hajat-hajat kita itu," jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan pada Ceramah Bersama Mufti Kerajaan yang diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam malam Sabtu lepas sejurus selepas Solat Fardu Isyak Berjemaah.

Untuk lebih menjelaskan lagi kehebatan sembahyang-sebahyang sunat ini, Yang Berhormat membawa para jemaah yang hadir untuk merenungkan riwayat di zaman Nabi ke atas seorang sahabat bernama Rabi'ah bin Ka'b al-Aslami Radiallahu anhu suatu hari sedang dia bersama-sama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang

mensabdakan kepadanya supaya meminta apa yang dihajatkannya.

"Kalau kita orang biasa, ini adalah peluang keemasan. Mungkin saja kita akan meminta macam-macam. Sekurang-kurangnya minta Nabi mendoakan kita sihat, mendoakan panjang umur, mendoakan dapat zuriat yang soleh dan macam-macam lagi. Dan bahkan mungkin juga ada yang minta didoakan supaya kaya, minta didoakan naik pangkat dan lain-lain. Tetapi Rabi'ah dia minta apa? Dalam keadaan tawaran sedang terbuka dari Nabi untuk Rabi'ah, Ya wahai Rabi'ah! Jangan malu-malu, sebut saja apa yang enggan mahu? Rabi'ah tahu sebagaimana juga lain-lain sahabat tahu, bahawa doa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah makbul, diajani makbul, jadi tidak ada sebab untuk Rabi'ah melepaskan peluang ini," tambah Yang Berhormat menceritakan kisah di zaman Nabi mengenai riwayat sahabat bernama Rabi'ah bin Ka'b al-Aslami Radiallahu anhu itu yang hanya mengharapkan untuk jadi teman Rasulullah di dalam Syurga.

Yang Berhormat juga menyaran, di setiap bangun dari tidur, selepas menuaikan wajib Sembahyang Subuh sebelum mengambil sarapan pagi supaya menunaikan Sembahyang Dhuha terlebih sekurang-kurangnya dua rakaat.

"Siapa yang ingat hendak buat ini? Berapa ramai kita yang membuatnya? Jika orang tahu fadilat Sembahyang Dhuha, orang tidak mahu meninggalkannya. Sayang dan sangat rugi jika tertinggal. Ada riwayat hadis menyebut sembahyang Dhuha itu mengundang rezeki dan menepekkan papa. Ini saja pun kalau orang tahu, orang akan rebut. Ada riwayat lain, orang yang Sembahyang Dhuha dua rakaat sahaja, ditulis baginya seribu-ribu kebaikan. Malah maka dia lebih rajin sembahyang lebih daripada dua rakaat, ganjarannya lebih hebat lagi, sebagaimana riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang erti : 'Barang siapa yang Sembahyang Dhuha 12 rakaat dengan sebenar-benar dia yakin sambil mengharapkan

pahala, nescaya Allah tulis untuknya ribu-ribu kebaikan dan memadam daripadanya ribu-ribu kejahanatan dan mengangkat darjatnya seribu darjat serta Allah juga membina untuknya rumah di dalam Syurga dan mengampunkan segala dosa-dosanya,' demikian jelas Yang Berhormat seterusnya.

Tambah Yang Berhormat, sunnah Nabi menggalakkan kita berada di tempat sembahyang sehingga terbit matahari, dan melakukan Sembahyang Sunat Dhuha, sekurang-kurang dua rakaat dan maksimum lapan atau 12 rakaat.

"Siapakah yang buat ini? Sejuirnya siapa yang terkarish? Berbanding awal pagi orang yang ke pasar, jogging atau ke kebon mencangkul dan menyiram tanaman dan lain-lain lagi aktiviti. Namun untuk sembahyang dua rakaat Dhuha, Wallahu'l'am.

Ini di antara satu sunnah yang mudah dieierkan. Mari, kita melihat pula sunnah yang lain. Saya pilih untuk menyebut "salam". Allah berfirman yang tafsirnya : "Jika kamu diberi penghormatan maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah ia dengan cara yang sama. Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu itu," ujar Yang Berhormat.

Mufti Kerajaan turut menyentuh mengenai melakukan perkara-perkara wajib dan sunnah yang lain termasuk memberi salam serta membalsal salam dengan lebih baik dan sempurna.

"Menjadi kelaziman kepada Sayidina Ali ialah mendahului salam ke atas Sayidina Abu Bakar. Tiap-tiap berjumpa atau terserempak dengan Sayidina Abu Bakar, Ali lah dahulu yang memberi salam. Tetapi pada suatu hari, Ali diam, tidak mendahului Abu Bakar memberi salam, sehingga kerana Ali diam itu, Abu Bakar lah yang mendahuluiinya memberi salam.

Perkara ini diberitahu oleh orang

kepada Nabi. Lalu Nabi bertanya kepada Ali mengapa? Ali menjelaskan, malam tadi dia bermimpi melihat mahligai, dia bertanya mahligai siapa ini? Orang menjawab, inilah mahligai untuk siapa yang memulai salam ke atas taulannya," terang Yang Berhormat lagi.

Antara sunnah lain yang turut disentuh oleh Yang Berhormat ialah fadilat selawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang pakaian sepanjang masa, bukan bermusim.

"Lihat, sembahyang kita lima waktu, ada rukun selawat di sana wajib dibaca selawat itu. Menunjukkan selawat itu adalah perkara besar, perkara agung. Hanya ia wajib di dalam sembahyang dan sunat di luar sembahyang. Namun fadilatnya tidak ke mana-mana, tetapi sama-sama hebat, dan menguntungkan bagi sesiapa yang melakukannya. Nabi bersabda maksudnya :

*"Siapa yang berselawat ke atasku sekali, Allah berselawat (mengurniakan rahmat) ke atasnya sepuluh kali."*

Sehubungan itu, Yang Berhormat turut menghuraikan keutamaan selawat seperti riwayat Nabi bersabda maksudnya : "Barang siapa berselawat ke atasku sekali, Allah berselawat ke atasnya sepuluh kali. Barang siapa berselawat ke atasnya seratus kali, barang siapa berselawat ke atasku seratus kali, Allah berselawat ke atasnya seratus kali, barang siapa yang berselawat ke atasku seribu kali nescaya tidak menyentuhnya api neraka".

"Ini berita dari Nabi. Apa-apajua yang datang dari Nabi adalah ia wahu. Rugi kita kalau melepasnya. Ayuh, mari kita ber masa untuk mifebut keuntungan di dunia dan di akhirat dengan selawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam," demikian jelas Yang Berhormat yang turut menegaskan kepentingan selawat.